

2023 GCE 'NA' Level Malay Practice Paper 1 (1197/1)

Duration: 2h

Total Marks: 60

ARAHAN: Jawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan satu daripada soalan-soalan yang berikut.

- 1 Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada sahabat kamu. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

File Edit View Mail Data Source Help	
	
Daripada:	haikal_ali@emel.com
Kepada:	nur_jasmin@emel.com
Tarikh:	18 September 2023
Subjek:	Meminta nasihat
<p>Jasmin,</p> <p>Apa khabar?</p> <p>Akhir-akhir ini, minat saya berbasikal setiap minggu tidak disokong oleh ibu bapa saya. Menurut mereka, tahun ini merupakan tahun yang penting kerana saya akan menduduki peperiksaan peringkat Normal tidak lama lagi. Mereka tidak membenarkan saya keluar berbasikal dengan rakan-rakan saya seperti yang biasa kami lakukan. Saya faham akan kebimbangan mereka atas keselamatan saya apabila saya mengambil bahagian dalam aktiviti lasak yang boleh membawa kecederaan. Namun, memang sudah menjadi kebiasaan saya dan rakan-rakan saya berbasikal setiap hari Sabtu dan saya merasakan mereka tidak memahami minat saya ini. Apakah yang harus saya lakukan?</p> <p>Bolehkah awak berkongsi pendapat tentang hal ini?</p> <p>Saya menantikan balasan e-mel awak.</p> <p>Terima kasih.</p> <p>Yang benar Haikal</p>	

- 2 Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, taman riadah yang berdekatan dengan estet perumahan kamu telah melalui kerja peningkatan dan acara pembukaan rasmi taman riadah tersebut akan diadakan. Kamu berpendapat bahawa langkah kerja peningkatan ini sangat baik kerana taman tersebut kini menyediakan persekitaran yang lebih selesa untuk para penduduk.

Tulis e-mel kepada pengurus majlis perbandaran estet perumahan kamu untuk menunjukkan penghargaan kamu atas pembukaan taman riadah yang baharu ini. Dalam e-mel itu, sarankan aktiviti yang boleh disertakan dalam acara pembukaan rasmi taman riadah ini agar ramai penduduk lebih tertarik untuk menggunakan kemudahan tersebut.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: aina@emel.com

Alamat penerima: pengurus@majlisperbandaran.com

BAHAGIAN B (40 markah)

- Arahan:** Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **salah satu** daripada tajuk-tajuk yang berikut.

- 3 Para pelajar patut melibatkan diri dalam kegiatan kokurikula. Berikan pandangan kamu.

- 4 Cara-cara menggunakan kecerdasan buatan dengan berkesan..

- 5 Rakan sekelas kamu sedang menghadapi masalah peribadi yang menyebabkan dia rasa sangat tertekan. Dia telah berkongsi masalahnya dengan kamu dengan harapan kamu dapat memberikannya bantuan. Gambarkan tindakan yang telah kamu ambil untuk membantu rakan kamu itu dan pengajaran yang kamu peroleh.

- 6 Tuliskan sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut :

Malam itu aku tidak dapat melelapkan mata. Aku terus mencapai telefon bimbitku lalu menatal skrin. Khusyuk aku melayan video-video yang terpapar di telefon bimbitku. Tiba-tiba...

Selesai